



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 NOVEMBER 2016



ABDULLAH AHMAD BADAWI menyampaikan Anugerah Emas Canselor kepada pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Petroleum, Mohd. Shahrul Azhar Mohd. Long dalam Majlis Konvokesyen UTP Ke-16 di Seri Iskandar, Perak, semalam. - BERNAMA

Siswazah perlu miliki integriti tinggi

UM - 7/11/2016

■ PARIT 6 NOV.

BEKAS Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan siswazah supaya mempunyai sifat jujur, amanah dan cekap dalam diri masing-masing terutama ketika hendak memasuki alam pekerjaan.

Abdullah yang juga Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) berkata, elemen integriti merupakan salah satu etika kerja yang sangat penting kepada pencapaian hasil kerja berkualiti tinggi.

"Dengan adanya integriti kerja, ia berupaya mewujudkan persekitaran kondusif dalam organisasi serta penghasilan mutu kerja berkualiti tinggi," katanya ketika berucap dalam Majlis Konvokesyen UTP Ke-16 di Seri Iskandar, dekat sini hari ini.

Dalam majlis itu, 87 graduan dianugerah Ijazah Doktor Falsa-

fah, 138 menerima Ijazah Sarjana, manakala 1,244 lagi memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dan Teknologi.

Yang turut hadir Pro Canselor UTP, Tan Sri Sidek Hassan dan Naib Canselor UTP, Datuk Dr. Abdul Rahim Hashim.

Abdullah juga menasihati siswazah agar dapat turut sama dalam proses pembangunan negara dengan sentiasa berusaha ke arah penciptaan kekayaan.

"Siswazah perlu menggunakan ilmu diperolehi dengan inovasi dan kreativiti supaya dapat memberi nilai tambah dan akhirnya membawa kesejahteraan kepada masyarakat dan negara," katanya.

Abdullah berkata, menjadi harapan universiti agar siswazah dapat memanfaatkan ilmu dan pengalaman semasa di institusi pengajian tinggi bagi kemajuan serta kemakmuran masyarakat dan negara.

Sementara itu, Abdul Rahim berkata, UTP berjaya melakar sejarah apabila menjadi universiti swasta pertama dianugerahkan penarafan enam bintang oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Beliau berkata, penarafan itu dinilai oleh Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA) bagi kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi.

Selain itu, UTP menempa nama di peringkat dunia dengan tersenarai dalam *World University Times Education Ranking 2016* di kedudukan 601 hingga 800, selain *QS World University Ranking 2016* pada kedudukan 601 hingga 650, katanya.

Beliau berkata, di peringkat Asia pula, sejak penyertaan UTP di *QS Asia University Ranking* pada 2013, universiti itu kini berada di kedudukan 127 iaitu peningkatan 74 kedudukan berbanding pada awal penglibatannya. - BERNAMA